

18 AUG 1997

Persidangan-Ulama

PERSIDANGAN ALIM ULAMA DAN MUFTI RABU INI

LANGKAWI, 18 Ogos (Bernama) -- Satu persidangan alim ulama dan mufti dari seluruh negara akan diadakan di sini Rabu ini untuk menjelaskan kedudukan sebenar berhubung kenyataan Perdana Menteri mengenai pelaksanaan hukum Syarak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata, penjelasan akan diberikan mengenai pandangan sebenar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

Perkara itu perlu dijelaskan kerana kenyataan Dr Mahathir bukan menyentuh mengenai kewibawaan mufti-mufti bagi menentukan hukum Syarak, katanya kepada pemberita semasa menghadiri konvensyen UMNO Kedah di sini.

Katanya persidangan itu amat penting berikutan timbul tuduhan seperti yang disiarkan oleh sebuah akhbar parti pembangkang terhadap Dr Mahathir yang mengelirukan masyarakat.

"Memang benar seperti kata Mufti Selangor (Datuk Ishak Baharum) bahawa sesiapa yang menolak hukum Syarak akan tergelincir akidah mereka tetapi mengikut hukum Syarak juga kalau orang yang mencari jalan untuk membahas mengenai cara pelaksanaannya ia tidak membawa kepada murtad", katanya.

Bagaimanapun, perkara itu telah digambarkan dengan agak mengelirukan oleh akhbar berkenaan seolah-olah Dr Mahathir menolak hukum Syarak yang ditetapkan oleh ulama, jelasnya.

Dr Abdul Hamid juga berkata persidangan itu merupakan permulaan perjumpaan antara kerajaan dengan alim ulama dan mufti di negara ini sebelum mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman Undang-undang Syariah diadakan akhir bulan ini.

Menurutnya, jawatankuasa itu akan melihat secara mendalam tentang penyelarasan pelaksanaan hukum Syariah dan undang-undang Islam di negara ini.

Jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir dan dianggotai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Abdul Hamid, pakar undang-undang, alim ulamak dan penggubal dasar, jelasnya.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan menyediakan satu draf yang sesuai untuk dibentang pada persidangan Majlis Raja-raja dalam tempoh tiga bulan.

Katanya, Peguam Negara dan Penasihat Undang-undang negeri-negeri sedang membuat persiapan termasuk mengadakan teks undang-undang dan prosedur yang berjalan.

Dr Mahathir dilaporkan membuat teguran terhadap tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menangkap dan menghadapkan ke mahkamah tiga gadis Melayu kerana berpakaian tidak sopan semasa menyertai satu pertandingan ratu cantik di Subang Jaya baru-baru ini.

Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata tindakan itu tidak mencerminkan imej Islam yang sebenarnya kerana ada tindakan lain yang boleh dibuat daripada memalukan mereka di khalayak ramai. -- Bernama

ZI NH oba